



**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI  
SARAWAK**

**KENYATAAN MEDIA SEGERA**  
**SARAWAK HARI INI MEREKODKAN TUJUH (7) LAGI KES**  
**BAHARU POSITIF COVID-19**

**1. LAPORAN HARIAN**

Sarawak hari ini merekodkan **tujuh (7) lagi** kes baharu positif COVID-19, menjadikan jumlah bilangan kes di Sarawak sebanyak **348 kes** sejak kes positif pertama dilaporkan pada 13 Mac 2020. Semua 7 kes tersebut dirawat di Hospital Umum Sarawak.

Pada hari ini, sebanyak **155 kes baharu** *Person Under Investigation* (PUI) dilaporkan menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak **2,680 kes**. Daripada jumlah itu, **2,155 kes** adalah negatif dan **177 kes PUI** masih menunggu keputusan makmal.

Statistik Kes PUI baharu mengikut Daerah.

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>JUMLAH</b>
1	Kuching	116
2	Serian	22

3	Samarahan	7
4	Bau	3
5	Miri	3
6	Sri Aman	2
7	Bintulu	2
<b>JUMLAH</b>		<b>155</b>

## **2. PEMANTAUAN TEMPOH PKP**

Pada hari ini, pematuhan Perintah Kawalan Pergerakan adalah sebanyak **97%**. Semalam pihak Polis telah menangkap **13 orang** di Sarawak kerana melanggar PKP dan **110 orang** telah dikompaun.

Sehingga hari ini, sejak tempoh PKP bermula 18 Mac, sebanyak **374 orang** telah dikompaun dan **586 orang** telah ditangkap.

Berikut adalah jumlah orang yang telah dikompaun harian mengikut Daerah (sehingga 13.04.2020 @ 8.00 pagi).

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>JUMLAH ORANG</b>
1	Kuching	22
2	SIBU	20
3	Sarikei	11
4	Kota Samarahan	9

5	Betong	9
6	Miri	7
7	Bau	6
8	Padawan	5
9	Kapit	4
10	Simunjan	3
11	Bintulu	2
12	Serian	2
13	Matu Daro	2
14	Song	2
15	Marudi	2
16	Kanowit	2
17	Lawas	2
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>110</b>

Berikut adalah kes tangkapan harian mengikut Daerah (sehingga 13.04.2020 @ 8.00 pagi).

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>JUMLAH ORANG</b>
1	Mukah	3
2	Limbang	2
3	Sri Aman	2
4	Kuching	1
5	Padawan	1

6	Sibu	1
7	Kota Samarahan	1
8	Bau	1
9	Matu Daro	1
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>13</b>

### **3. PENEMPATAN SEMUA RAKYAT SARAWAK (DARI LUAR NEGARA / SEMENANJUNG / SABAH DAN LABUAN) DI PUSAT KUARANTIN**

Pada hari ini terdapat penambahan seramai **310 orang** rakyat Sarawak yang tiba dari luar negara / Semenanjung / Sabah / Labuan menjadikan jumlah keseluruhan seramai **1,063 orang** yang telah ditempatkan di Pusat Kuarantin sebagai PUS (*Person Under Surveillance*) seperti berikut:

(Data sehingga 13.04.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>HOTEL</b>	<b>BILANGAN PUS</b>
1	Kuching	Hock Lee	116
2		Rajah Court Dormani	85
3		Kuching Park	78
4		Pullman	98
5	Miri	Mega	81
6		Somerset	45

7		Ostay Inn	15
8		Cosy Inn	40
9		Imperial Palace	145
10		Eastwood Resort	25
11		Imperial	8
11	Limbang	Purnama	94
11	Bintulu	Park City Everly	233
<b>Jumlah PUS</b>			<b>1,063</b>

#### **4. OPERASI SEMASA PKP DAN NYAHCEMAR**

- i. Seramai 870 kakitangan pihak berkuasa tempatan terdiri daripada 316 Penguatkuasa, 390 kakitangan Unit Kesihatan Awam dan 164 kakitangan lain daripada pihak berkuasa tempatan di Sarawak sedang melaksanakan tugas sempena PKP. Terdapat 54,610 premis perniagaan dilesen oleh PBT di seluruh negeri Sarawak.
- ii. Manakala Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Sarawak mulai 30 Mac yang lalu sehingga tempoh PKP tamat akan melakukan operasi nyahcemar di lokasi yang telah dikenalpasti sebagai Zon Merah dan Zon Jingga. Sehingga hari ini bilangan operasi dan lokasi di Bahagian di Sarawak adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	Kuching	58
2	Samarahan	9
3	Serian	1
4	Sri Aman	5
5	Betong	3
6	Sarikei	13
7	Sibu	3
8	Bintulu	7
9	Miri	38
10	Limbang	10
<b>Jumlah</b>		<b>147</b>

- iii. Secara kumulatif berikut adalah agensi yang terlibat dalam operasi nyahcemar sehingga 12 April 2020.

<b>BIL</b>	<b>AGENSI</b>	<b>BILANGAN PETUGAS</b>
1	JBPM	1,083
2	PBT	673
3	KKM	306
4	APM	161
5	RELA	118
6	PDRM	100

7	Pejabat Daerah	35
8	Lain-Lain	44
<b>Jumlah</b>		<b>2,520</b>

## **5. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA**

Jawatankuasa Pengurusan Bencana hari ini telah membuat keputusan-keputusan seperti berikut:

- i. Pembukaan kedai gunting rambut adalah **TIDAK DIBENARKAN.**
- ii. Bagi sektor lain pula, JPBN Sarawak masih dalam perbincangan mengenai apakah sektor-sektor yang dibenarkan untuk beroperasi dalam tempoh PKP Tahap 3 berdasarkan kesesuaian dengan Sarawak.
- iii. Bagi meningkatkan proses pengesanan kontak rapat orang yang pernah berhubung rapat dengan pesakit positif COVID-19, adalah penting untuk mereka melaporkan diri di pusat saringan yang terdekat. Sehingga kini, ramai yang telah mempunyai kontak rapat atau casual kontak yang belum melapor diri setelah dipanggil oleh KKM melalui panggilan telefon. Kita

merayu agar orang ramai dapat melapor diri dengan kadar segera dan dengan cara ini kita harap dapat memutuskan rantai COVID-19 daripada terus merebak.

- iv. Kita telah diberitahu oleh syarikat penerbangan MAS, Air Asia & MALINDO bahawa mereka telah membatalkan penerbangan ke Sarawak bermula dari 15 hingga 30 April 2020. Walaubagaimanapun JPBN Sarawak tidak bersetuju dengan keputusan di atas. Jawatankuasa merasakan bahawa penerbangan dari Semenanjung ke Sarawak dan sebaliknya adalah perlu untuk memenuhi keperluan perjalanan yang penting. Oleh yang demikian JPBN Sarawak telah mengarahkan Kementerian Pengangkutan Sarawak untuk berbincang dengan Kementerian Pengangkutan Malaysia mengenai isu tersebut.

## **6. RUMUSAN**

Sarawak berada di dalam keadaan yang terkawal dengan kadar pematuhan PKP 97%. Saya menyeru agar rakyat Sarawak terus mematuhi arahan yang telah dikeluarkan oleh kerajaan demi mengekang penularan COVID-19 ini daripada terus merebak.

**SEKRETARIAT**

**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

**13 APRIL 2020**

**4.30 PETANG**